



KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA BERKENAAN SAMBUTAN 10 TAHUN DAN ANUGERAH FELO AKADEMI AUDIT NEGARA

Akademi Audit Negara (AAN) telah ditubuhkan pada tahun 2005. Ia telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Samsudin bin Osman, Ketua Setiausaha Negara pada 24 November 2005. AAN berperanan sebagai satu pusat latihan yang penting dalam pembangunan modal insan Jabatan Audit Negara (JAN) khususnya.

Penubuhan AAN yang dibina di atas tanah seluas 20 ekar di Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan telah menjadi *Centre of Excellence* bagi memastikan pembangunan modal insan yang berterusan dilaksanakan dalam memastikan pengetahuan, kualiti dan kemahiran di kalangan warga JAN sentiasa relevan.

AAN juga mengadakan program-program latihan antarabangsa meliputi program pengauditan penyata prestasi, pengurusan kewangan, pengauditan prestasi dan *risk based auditing*. Penganjuran program seperti *Malaysian Technical Cooperation Programme* (MTCP) yang mengkhususkan bidang pengauditan prestasi dan teknologi maklumat sentiasa mendapat sambutan juruaudit luar negara. Sehingga kini, sebanyak 16 Kursus *Performance Audit* dan *IT Audit* telah berjaya dilaksanakan dengan jumlah peserta antarabangsa seramai 368 daripada pelbagai negara telah menjalani latihan di AAN.

Modul-modul kursus yang dilaksanakan, disediakan berdasarkan piawaian pengauditan dan perakaunan antarabangsa yang diterima umum dan sentiasa dikemas kini.

Sejak mula beroperasi sehingga Jun 2015, AAN telah melatih seramai 26,588 orang peserta kursus melalui empat sekolah di bawah kendaliannya iaitu Sekolah Pengauditan, Sekolah Perakaunan, Sekolah IT dan Sekolah Pengurusan.

Seiring dengan dasar Kerajaan, AAN kini juga menjalin kerjasama bersama Institut Latihan Awam yang lain dalam meningkatkan penglibatan penjawat awam melalui pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy*).

Sempena 10 tahun penubuhan AAN ini, satu **Majlis Sambutan 10 Tahun dan Anugerah Felo Akademi Audit Negara** akan diadakan pada **14 Ogos 2015 (Jumaat) jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari** bertempat di **Auditorium Ahmad Noordin, Akademi Audit Negara**. Majlis ini akan disempurnakan oleh **YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan**, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Satu sidang media sempena majlis ini bersama YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan turut diadakan selepas selesai majlis tersebut. Sehubungan itu, semua rakan media adalah dijemput untuk menghadiri majlis sambutan dan penganugerahan ini.

Ketua Audit Negara

Malaysia

13 Ogos 2015